



## PENCAK SILAT

### 1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang **PERSILAT** (Persatuan Silat Antarabangsa), **PESAKA** (Persatuan Silat Kebangsaan) Malaysia dan Peraturan **AM MASUM**.

### 2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Perkara 5.0 di dalam Peraturan Am MASUM adalah dirujuk.
- 2.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 1 orang peserta bagi setiap kategori.
- 2.3 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum permainan bermula.

### 3. JENIS PERTANDINGAN

#### 3.1 Silat Olahraga (**Tanding**)

3.1.1 Silat Olahraga merangkumi kelas putera dan puteri.

3.1.2 Segala peraturan dan piawaian adalah merujuk kepada PERSILAT dan PESAKA.

3.1.3 Kategori yang dipertandingkan adalah :-

<b>Kategori Kelas Putera (Kg)</b>	<b>Kategori Kelas Puteri (Kg)</b>
Kelas A 45 - 50	Kelas A 45 - 50
Kelas B 50 - 55	Kelas B 50 - 55
Kelas C 55 - 60	Kelas C 55 - 60
Kelas D 60 - 65	Kelas D 60 - 65
Kelas E 65 - 70	Kelas E 65 - 70
Kelas F 70 - 75	Kelas F 70 - 75
Kelas G 75 -80	
Kelas H 80 - 85	
Kelas I 85 - 90	
Kelas J 90 - 95	

3.1.4 Semasa pendaftaran, sesi timbang tidak akan dijalankan, Walaubagaimanapun, peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang 10 minit sebelum setiap perlawanan. Jika berat melebihi kategori semasa timbang ulang, maka penyertaan pesilat akan dibatalkan.

3.1.5 Masa bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit dan 3 pusingan akan diperuntukan ( 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan . Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa perlawanan.

## 3.2 Silat Seni

### 3.2.1 Kategori Jurus Wajib (Regu)

- i. Diwakili oleh 3 peserta
- ii. Acara putera dan puteri
- iii. Mengikut jurus yang ditetapkan oleh PERSILAT
- iv. Mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh PERSILAT

### 3.2.2 Kategori Jurus Tunggal

- i. Persembahan solo oleh pesilat
- ii. Acara putera dan puteri
- iii. Pesilat menggayakan jurus yang diperkenalkan oleh PERSILAT
- iv. Jumlah masa adalah 3 minit
- v. Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang, mata parang adalah 30 hingga 40 cm dan bagi tongkat ialah 150 hingga 180 cm serta diameter 2.5 hingga 3.5 cm.
- vi. Mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh PERSILAT

### 3.2.3 Kategori Tempur (Ganda)

- i. Seni tempur kategori putera dan puteri
- ii. Merangkumi dua (2) peserta untuk setiap kategori putera dan puteri
- iii. Masa diperuntukan adalah selama 3 minit
- iv. Menggunakan tiga (3) jenis senjata sahaja. Senjata wajib adalah parang/golok dan tongkat (ukuran sama seperti senjata jurus tunggal) dan satu senjata nusantara iaitu keris, pisau, celurit atau tekpi sahaja
- v. Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu
- vi. Syarat pertandingan hendaklah dirujuk kepada Persatuan Silat Antarabangsa (PERSILAT)

## 4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar peserta yang berdaftar dengan IPTA dan IPTS yang dijemput sahaja. Kad pelajar (kad matrik) dan kad pengenalan mestilah dibawa semasa pendaftaran. Penyertaan akan ditolak sekiranya peserta itu bukan dari IPT yang diwakilinya.
- 4.2 Setiap peserta wajib mengisi Borang Jamin Diri yang disediakan sebelum mendaftarkan diri.
- 4.3 Setiap peserta wajib membuat pemeriksaan kesihatan dari universiti masing-masing sebelum mendaftarkan diri.
- 4.4 Borang Jamin Diri dan laporan pemeriksaan kesihatan hendaklah dikemukakan oleh pengurusan pasukan semasa pendaftaran.
- 4.5 Kategori silat olahraga yang dibenarkan diwakili oleh seorang peserta sahaja berdasarkan berat yang ditentukan.
- 4.6 Setiap peserta hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam satu acara sahaja.
- 4.7 MASUM berhak membatalkan penyertaan peserta jika didapati berlaku pelanggaran syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.

4.8 Keputusan pihak Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan MASUM adalah muktamad.

## **5. HADIAH**

1. Silat Olahraga (setiap Kategori)
  - i. Juara I - Medal – 1
  - ii. Juara II - Medal – 1
  - iii. Juara III - Medal – 2
  
2. Silat Seni (Jurus Tunggal Putera dan Puteri)
  - i. Juara I - Medal – 1
  - ii. Juara II - Medal – 1
  - iii. Juara III - Medal – 1
  
3. Silat Seni (Jurus Wajib Putera dan Puteri)
  - i. Juara I - Medal – 3
  - ii. Juara II - Medal – 3
  - iii. Juara III - Medal – 3
  
4. Silat Seni (Tempur Putera dan Puteri)
  - i. Juara I - Medal – 2
  - ii. Juara II - Medal – 2
  - iii. Juara III - Medal – 2

## **6. BANTAHAN / RAYUAN**

Sila rujuk Peraturan Am Sukan MASUM (13.0 & 15.0)

## **7. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM